

Peningkatan sebanyak 500,000 orang berbanding tahun lalu

# Rakyat Malaysia kini 31.7 juta orang

**PUTRAJAYA** – Jumlah penduduk Malaysia pada tahun ini (2016) dianggarkan 31.7 juta orang iaitu meningkat sebanyak 500,000 berbanding 31.2 juta orang pada tahun lepas.

Jabatan Perangkaan Malaysia dalam ksuatu kenyataan semalam menyatakan, jumlah tersebut menunjukkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak 1.5 peratus bagi tempoh yang sama.

Jumlah penduduk 31.7 juta itu juga merangkumi komposisi jantina iaitu 16.4 juta lelaki dan 15.3 juta perempuan dengan nisbah 107 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

“Etnik bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi bagi kategori penduduk warganegara di Malaysia iaitu sebanyak 68.6 peratus

diikuti oleh etnik Cina (23.4 peratus), India (7.0 peratus) dan lain-lain (1.0 peratus).

“Peratusan penduduk bukan warganegara pada tahun ini adalah 10.3 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia,” katanya.

Menurut jabatan tersebut, bagi taburan penduduk mengikut kumpulan umur bagi tahun ini tidak menunjukkan perbezaan ketara berbanding 2015.

“Penduduk dalam kumpulan umur kosong hingga 14 tahun berkurang 0.4 peratus pada 2016 (24.5 peratus) berbanding 2015 (24.9 peratus).

“Penduduk dalam kumpulan umur bekerja, 15 hingga 64 tahun, meningkat 0.2 peratus pada 2016 kepada 69.5 peratus berbanding 2015 dan penduduk berumur 65 tahun dan lebih juga meningkat

## INFO

### Populasi Malaysia 2012 hingga 2016

Tahun	2012	2013	2014	2015	2016
Populasi	29.5 juta (+1.4 peratus)	29.9 juta (+1.8 peratus)	30.7 juta (+1.5 peratus)	31.2 juta (+1.5 peratus)	31.7 juta
Lelaki	15.1 juta (51.2 peratus)	15.3 juta (51.1 peratus)	15.5 juta (50.5 peratus)	15.9 juta (50.9 peratus)	16.4 juta (51.7 peratus)
Perempuan	14.2 juta (48.8 peratus)	14.4 juta (48.9 peratus)	14.6 juta (49.5 peratus)	15.0 juta (49.1 peratus)	15.3 juta (48.3 peratus)

**Nota:** Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

sebanyak 0.2 peratus kepada 6.0 peratus bagi tempoh yang sama,” katanya.

Bagi peratusan penduduk mengikut negeri, Selangor mencatatkan peratusan negeri penduduk tertinggi pada tahun ini iaitu 19.9 peratus diikuti Sabah (12.0 peratus) dan Johor (11.5 peratus).

“Negeri yang mencatatkan peratusan penduduk terkecil pula ialah Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu masing-masing sebanyak 0.3 peratus,” katanya. – Bernama



**BILANGAN** penduduk Malaysia kini berjumlah 31.7 orang berbanding 31.2 juta orang pada tahun lalu. – Gambar hiasan